

21/03/2000

Aliran pemilihan Umno semakin jelas

Kadir Dikoh

SETELAH hampir separuh atau 79 daripada 165 bahagian Umno di seluruh negara mengadakan mesyuarat, aliran pemilihan pucuk pimpinan parti itu semakin jelas. Pemilihan semula Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden dan Timbalan Presiden Umno dijangka menjadi kenyataan berikutan masing-masing sudah menerima 78 pencalonan bagi jawatan berkenaan.

Aliran pencalonan berkenaan yang mematuhi nasihat Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya dua jawatan tertinggi parti tidak dicabar dijangka berterusan apabila baki 86 bahagian lagi akan mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian.

Kedudukan satu pencalonan yang diperoleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan presiden dan timbalan presiden, masih tidak berganjak sehingga Ahad kelmarin, apabila 31 bahagian lagi mengadakan mesyuarat diujung minggu lalu.

Ramalan bahawa pencalonan untuk Tengku Razaleigh akan mencurah masuk setelah jalannya dirintis oleh Umno Bahagian Tanah Merah, Kelantan pada 10 Mac lalu, ternyata belum menjadi kenyataan setakat ini. Malah, rasional pencalonan oleh bahagian yang diketuai oleh Datuk Hashim Safin bagi Tengku Razaleigh bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, sebaliknya masih menjadi tanda tanya.

Pencalonan itu bagaikan memberi harapan kepada Tengku Razaleigh. Namun, keputusan yang akan dibuat oleh beliau "berdasarkan cita rasa peringkat bawahan" setakat ini belum begitu jelas. Aliran pencalonan sebelum ini dan selepas ini, dijangka mempengaruhi Tengku Razaleigh sebelum beliau membuat sebarang keputusan.

Namun, kalangan kem Tengku Razaleigh masih menaruh keyakinan bahawa bekas pemimpin parti Semangat 46 itu akan mendapat pencalonan selepas ini, sekurang-kurangnya bagi jawatan nombor dua dalam Umno. Untuk melayakkannya bertanding jawatan Timbalan Presiden Tengku Razaleigh memerlukan 32 lagi pencalonan.

Bagaimanapun, harapan penyokong Tengku Razaleigh semakin tipis berikutan beberapa bahagian yang dikatakan akan mencalonkan beliau untuk jawatan tertinggi parti, sebaliknya mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah. Antaranya ialah Umno bahagian Padang Terap di Kedah.

"Tengku Razaleigh akan mengumumkan tidak akan bertanding jika aliran pencalonan yang sedang diperhatikannya, tidak memihak kepada beliau. Jika ini berlaku, Umno bahagian Gua Musang yang diketuainya sendiri mungkin turut mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah untuk kedua-dua jawatan tertinggi," kata seorang pemerhati.

Namun, ada yang berpendapat bahawa usaha mencalonkan Tengku Razaleigh bagi jawatan tertinggi dalam parti sukar dilakukan kerana beliau sendiri tidak menyatakan pendirian jelas jawatan apa yang diidamkannya. Hakikatnya, Tengku Razaleigh seperti serba salah. Andainya, beliau mengumumkan hasrat untuk bertanding jawatan Presiden dan kemudian didapati pencalonannya tidak mencukupi syarat 30 peratus atau 50 bahagian, ia memudaratkan kredibilitinya sendiri. Begitu juga bagi jawatan Timbalan Presiden.

Bagaimanapun, jika beliau membuat pendiriannya sekarang, ia mungkin dilihat sebagai membelakangkan nasihat MT yang beliau sendiri adalah ahli yang dilantik kerana kedudukannya selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan. "Tengku Razaleigh sebenarnya sudah ketinggalan," kata seorang

ketua bahagian di Johor.

Dalam politik, kata seorang Exco Pemuda, lazimnya sokongan terbuka diberi kepada penyandang dan mereka kelihatan akan menang "kerana tiada siapa mahu menyokong atau dilihat menyokong calon yang bakal kalah." Sebab itu, katanya, penyandang Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak terus popular.

Malah, katanya, generasi muda sekarang lebih suka kepada kenyataan politik yang berterus terang, bukan kenyataan yang berselindung dan banyak membuat "pusingan U" seperti bekas Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Musa Hitam sebelum ini. "Kalau nak bertanding, katakan terus terang dan soal menyokong atau tidak, itu perkara lain kerana budaya Melayu sudah berubah sekarang," katanya.

"Tengku Razaleigh sendiri menghadapi dilema ketidakpastian. Sebab itu beliau menunggu isyarat. Tetapi pemimpin yang berwibawa harus sentiasa memberi isyarat, bukan menunggu isyarat," kata seorang pemimpin veteran.

Namun, ada juga yang mengaitkan soal perpaduan Melayu menyebabkan Tengku Razaleigh sukar mendapat pencalonan setakat ini. Mereka berkata, kestabilan perpaduan dalam Umno mesti diutamakan sekarang dalam keadaan Umno mengalami kemerosotan sokongan pada pilihan raya umum November lalu. Berdasarkan hakikat ini, sebarang perubahan drastik pada peringkat tertinggi boleh memecahbelahkan perpaduan.

Menurut pemerhati, "mood" di kalangan pemimpin bawahan Umno sekarang ialah untuk melihat proses pertukaran pemimpin dijalankan dalam keadaan terkawal, tenang dan penuh sopan santun. "Lagipun, mereka tidak ingin melihat berulangnya peristiwa 1987 apabila Tengku Razaleigh mencabar Dr Mahathir yang akhirnya membawa kepada perpecahan parti yang mengakibatkan Umno diistiharkan tidak sah oleh mahkamah setelah 11 cawangan didapati haram," katanya. Ini berikutan adanya kalangan ahli Umno yang tidak mahu menerima keputusan pemilihan dan telah mengheret parti ke mahkamah dengan mendakwa ada cawangan Umno yang tidak sah.

Tengku Razaleigh juga pernah berentap dengan Musa bagi mengisi jawatan timbalan presiden pada 1981. Musa kemudian mempertahankan jawatannya apabila ditentang lagi oleh Tengku Razaleigh tiga tahun kemudian. Bagaimanapun, kedua-duanya bergabung tenaga pada dalam pemilihan Umno pada 1987 dengan Tengku Razaleigh bertanding jawatan Presiden manakala Musa yang meletak jawatan Timbalan Perdana Menteri mempertahankan jawatan Timbalan Presiden parti. Musa tewas di tangan Tun Ghafar Baba yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Jika Tengku Razaleigh sekali lagi mencabar Dr Mahathir, orang boleh melihatnya daripada pelbagai perspektif. Tengku Razaleigh mungkin dianggap sebagai tidak mengenang budi kerana Dr Mahathir yang membawanya masuk semula ke dalam Umno pada 1996 setelah membubarkan Semangat 46. Tengku Razaleigh boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku perpecahan dalam Umno ekoran cabarannya. Kegagalan beliau merampas semula Kelantan daripada Pas masih dipersoalkan dikalangan ahli Umno," katanya.

Malah, usaha mencalonkan Tengku Razaleigh bagi jawatan Naib Presiden juga dikatakan melalui jalan sukar. Setakat ini bahagian Gerik dan Jeli mencalonkannya untuk jawatan itu.

Namun, beberapa perwakilan di mesyuarat bahagian Kuala Krai (Kelantan), Padang Terap (Kedah), Beaufort (Sabah), Bakri, Johor Bahru dan Gelang Patah (Johor), Segambut (Wilayah Persekutuan), Sungai Siput (Perak) dan Kuantan (Pahang) cuba mencalonkan Tengku Razaleigh bagi jawatan Presiden atau Timbalan Presiden tetapi gagal apabila perwakilan menolak pencalonan itu.

Bagi jawatan Naib Presiden pula, Najib terus mendahului apabila menerima 75 pencalonan setakat ini, diikuti Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman (45); Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar (31); Ketua

Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam (22); Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad (16); Menteri Luar, Datuk Seri Hamid Albar (13); Tan Sri Muhammed Muhd Taib (12); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim (10); Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (8) serta Tengku Razaleigh dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Mohd Ghazali, masing-masing dua pencalonan. Setakat ini, Najib, Ghani dan Abu Hasan sudah layak bertanding apabila melepasi melepasi kelayakan bertanding.

Walaupun berlaku kepentingan parti harus diutamakan daripada kepentingan peribadi. Ini penting bagi mengekalkan perpaduan dalam Umno yang menghadapi cabaran sengit dari Pas. Kemunculan pemimpin pelapis seperti Datuk Hishammuddin Tun Hussein diharap dapat membantu mengukuhkan lagi keutuhan Umno. Kekukuhan Umno meninggalkan kesan yang mendalam kepada kestabilan politik negara. Politik yang stabil membolehkan negara memacu kemajuan ekonomi setelah tenat dilanda kegawatan.

(END)